



**10 Ogos 2009 (Isnin)**

## **Mara akan disusun semula**

Oleh AMRAN MULUP pengarang@utusan.com.my

MELAKA 10 Ogos - Kerajaan akan menyusun semula peranan Majlis Amanah Rakyat (Mara) agar lebih berkesan membantu bumiputera dalam bidang pendidikan dan perniagaan. Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, penyusunan semula Mara perlu dibuat bagi meyakinkan rakyat bahawa agensi itu masih berperanan membantu golongan bumiputera. Menurutnya, beliau telah mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan beberapa kumpulan yang terlibat dalam sektor pendidikan dan perniagaan bagi merumuskan penyusunan semula agensi tersebut.

"Kita sedang memantapkan peranan Mara bagi membantu masyarakat Melayu dan bumiputera di bidang pendidikan dan perniagaan. "Dua bidang ini diberi penekanan untuk menjadi fokus dalam penyusunan semula peranan Mara tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kota Melaka di sini malam tadi. Mengulas lanjut Mohd. Shafie memberitahu, dalam bidang pendidikan, kerajaan mahu memastikan pelajar di bawah tajaan Mara tidak hanya tertumpu kepada beberapa jurusan seperti kejuruteraan dan undang-undang.

Menurut beliau, pihaknya tidak mahu dengan menumpukan kepada satu bidang sahaja, akan berlaku lambakan tenaga kerja di kalangan penuntut apabila mereka tamat pengajian nanti. Sehubungan itu jelasnya, penyusunan semula agensi itu akan memberi tumpuan kepada membiayai pelajar menerokai pelbagai jurusan yang boleh menjamin masa depan mereka. "Mara juga akan mencari institusi pengajian tinggi (IPT) bertaraf antarabangsa di luar negara untuk menghantar pelajar pada masa depan," katanya.

Dalam bidang perniagaan pula kata Mohd. Shafie, penyusunan semula itu akan tertumpu kepada usaha membantu golongan bumiputera dari segi pengisian modal insan. Jelasnya, tumpuan dalam bidang keusahawanan tidak lagi dilihat dari aspek membina bangunan semata-mata, sebaliknya membantu mereka berjaya dalam bidang perniagaan. Mohd. Shafie yang juga Naib Presiden UMNO dalam pada itu, meminta semua ahli parti di pelbagai peringkat agar tidak mengamalkan sikap lalai, sompong dan bongkak. "Jika sikap ini diamalkan ia akan membuatkan rakyat akan terus menjauhkan diri daripada UMNO," ujarnya.

**11 Ogos 2009 (Selasa)**

## **RM1.4b bina sistem pengangkutan awam Nu Sentral - PM**

Oleh NIZAM YATIM nizam.yatim@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 11 Ogos - Usaha kerajaan mewujudkan sistem pengangkutan awam bersepadu di bandar raya ini dijangka tercapai dengan pembinaan pusat beli-belah baru, Nu Sentral yang bersambung dengan rangkaian pengangkutan rel di Brickfields di sini. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pusat itu akan menyediakan sambungan sempurna perkhidmatan kereta api antara bandar, komuter, monorel, Express Rail Link (ERL) dan transit aliran ringan (LRT). "Laluan transit aliran massa (MRT) dari Damansara ke Cheras dan dari Kelana Jaya ke Putra Heights akan disepadukan dengan pusat beli-belah baru ini yang dijangka siap pada 2012," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Nu Sentral yang akan dibangunkan oleh Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) di sini hari ini. Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin dan Pengerusi MRCB, Tan Sri Azlan Zainol.

Pembinaan pusat beli-belah tujuh tingkat yang merupakan sebahagian daripada projek pembangunan bersepadu Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral) akan dibina bersama-sama tiga menara pejabat 27 tingkat dan sebuah hotel butik dengan kos keseluruhan RM1.4 bilion. Ia akan disambungkan dengan Stesen KL Sentral, Stesen Monorel di Jalan Tun Sambanthan dan stesen MRT baru bagi laluan Damansara-Cheras menerusi jambatan berhawa dingin.

Menurut Najib, Nu Sentral yang tiga kali ganda lebih besar daripada Mid Valley Megamall akan mengubah imej lama Brickfields, meskipun beberapa aspek di kawasan itu seperti Little India, akan dikekalkan. "Kita akan memastikan manfaat dari segi ekonomi dan sosial daripada pembangunan semula Brickfields ini akan dinikmati setiap masyarakat di kawasan berkenaan selaras dengan konsep 1Malaysia," katanya.

Tambah beliau, dengan adanya rangkaian pengangkutan awam bersepadu itu, ia akan menggalakkan orang ramai berjalan kaki seperti penduduk Hong Kong yang dilihatnya kurus kerana melakukan aktiviti itu setiap hari. Dalam pada itu, kata beliau, pembangunan Nu Sentral adalah selaras dengan langkah kerajaan menyenaraikan usaha meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam sebagai salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA). "Kita telah menetapkan bahawa usaha meningkatkan mutu perkhidmatan ini dijadikan sebagai sasaran yang perlu dicapai bagi tempoh jangka sederhana kerana ia penting untuk pertumbuhan ekonomi negara yang mapan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, kerajaan telah mengambil langkah untuk menaik taraf prasarana jalan raya di sekitar KL Sentral dan Brickfields dengan meluluskan peruntukan di bawah pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM110 juta pada Februari lalu."Langkah ini selaras dengan konsep perkongsian antara kerajaan dan sektor swasta dan juga setelah pihak MRCB berjumpa dengan kita bagi memaklumkan mereka bersedia melabur RM2 bilion untuk pembangunan KL Sentral sekiranya kerajaan membantu menaik taraf infrastruktur jalan raya. "Saya gembira kerana MRCB telah melangkaui sasaran ditetapkan dengan pelaburan baru di KL Sentral kini telah melebih RM3 bilion," katanya.

## **12 Ogos 2009 (Rabu)**

### **Terengganu terima dividen RM16.3 juta**

KUALA TERENGGANU 12 Ogos - Kerajaan negeri menerima dividen sebanyak RM16.3 juta hasil daripada pegangan saham ke atas anak syarikat Terengganu, TDM Berhad bagi tahun 2008, kata Menteri Besar, Datuk Ahmad Said. Beliau berkata, dividen tersebut diterima selepas TDM Berhad yang terlibat dalam sektor perladangan dan penjagaan kesihatan mengumumkan pembayaran dividen sebanyak 10.5 sen per saham baru-baru ini. Katanya, pembayaran dividen tersebut merupakan yang tertinggi selepas dividen pada 2007 adalah berdasarkan 5.5 sen per saham. "Saya gembira dengan perkembangan yang dicapai oleh TDM Berhad dalam menguruskan perniagaan mereka. "Pencapaian ini diperoleh hasil daripada pengurusan yang baik selain mengurangkan kos perbelanjaan," katanya selepas mempergerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini.

Ahmad yang mewakili kerajaan negeri menerima cek bernilai RM16.3 juta daripada Penggerusi TDM, Datuk Roslan Awang Chik. Beliau berkata, TDM Berhad yang menjalani usaha pemulihan sejak 2004 berjaya mencatatkan perolehan dan keuntungan tinggi. Katanya, hasil daripada usaha itu juga menyaksikan TDM mula membuat pembayaran dividen kepada pemegang sahamnya pada 2006. "TDM Berhad turut membuat pembayaran zakat perniagaan sebanyak RM2.7 juta kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (Maidam) tahun ini". Beliau memberitahu, TDM Berhad merancang akan memperluaskan perniagaan dalam sektor penjagaan kesihatan pada masa depan.

## **12 Ogos 2009 (Rabu)**

### **Pantau pencerobohan tanah Bengkoka**



**Yahya Hussin (tiga dari kiri) meninjau kawasan projek khas penanaman getah di Semenanjung Bengkoka, Sabah, semalam.**

PITAS 12 Ogos - Jabatan Tanah dan Ukur Sabah (JTU) digesa memantau kegiatan pencerobohan dan pembukaan tanah di Semenanjung Bengkoka yang dijalankan oleh individu dan syarikat swasta. Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yahya Hussin berkata, masalah tersebut perlu diatasi segera bagi mengelak ia menjelaskan projek tanaman getah yang dirancang untuk membantu 1,000 Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT) di kawasan berkenaan. "Apa yang menyediakan kawasan projek tanaman getah berkenaan merupakan sebahagian daripada projek di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC). "Jika masalah ini tidak diatasi, ia boleh menjelaskan pembangunan dan matlamat SDC," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke kawasan tersebut di sini hari ini.

Turut hadir Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Bobbey A.Suan; Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri, Bolkiah Ismail dan Pengerusi Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS), Datuk Zakaria Mohd. Edris. Yahya berkata, kawasan projek tanaman getah itu perlu dikawal untuk mengelakkan sebarang pencerobohan oleh individu atau syarikat swasta. Dalam hal ini, beliau meminta supaya Bahagian Pemungut Hasil Tanah (PPHT) di daerah itu bekerjasama dengan JTU Sabah menangani masalah pencerobohan itu.

Katanya, projek khas yang telah dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 9 Jun 2006 itu bakal memberi faedah kepada lebih 1,000 KIRMT di kawasan tersebut. Menurutnya, strategi utama program itu adalah mewujudkan sumber pendapatan tetap dan mapan kepada penduduk miskin tegar di daerah Pitas melalui penanaman getah klon lateks balak.

"Jumlah siling projek yang diluluskan oleh kerajaan ialah sebanyak RM105 juta melibatkan kos pembangunan kawasan, kompleks bangunan, bekalan elektrik dan air, kenderaan, jentera pertanian serta jalan raya. "Setakat ini, LIGS telah membangunkan kawasan seluas 3,200 hektar, manakala 1,200 hektar lagi dalam proses penanaman berterusan," katanya. Beliau menambah, jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini ialah sebanyak RM36 juta melibatkan peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

**12 Ogos 2009 (Rabu)**

## **Kakitangan kerajaan perlu peka aduan rakyat**

RAUB 12 Ogos - Kakitangan kerajaan perlu peka dengan aduan rakyat dan memberikan keutamaan bagi menyelesaikan setiap masalah yang dibangkitkan tanpa mengira kedudukan dan warna kulit. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dong, Datuk Shahirudin Ab. Moin berkata, kakitangan awam perlu memahami konsep gagasan 1Malaysia yang mengutamakan rakyat dan mendahulukan pencapaian. Katanya, gagasan yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak perlu dilaksanakan dengan cekap dan telus kerana memang menjadi agenda kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk memastikan setiap rakyat mampu hidup selesa dan aman.

"Rakyat berhak mendapat yang terbaik untuk menjalani kehidupan aman dan sejahtera kerana mereka (rakyat) yang memilih kerajaan. "Kerajaan Persekutuan yang terajui oleh BN akan memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan rakyat tanpa mengira budaya dan agama," kata Shahiruddin.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa menghadiri majlis dialog bersama rakyat yang turut dihadiri oleh pelbagai agensi kerajaan negeri dan Persekutuan peringkat mukim Dong di sini hari ini. Turut hadir Pegawai Daerah Raub, Datuk Abdul Muin Abdul Hamid. Menurut Shahiruddin, majlis seperti itu boleh dijadikan satu pendekatan baru bagi memudahkan orang ramai menyampaikan aduan dan pandangan bagi memajukan kawasan masing-masing secara langsung kepada wakil rakyat dan pegawai daerah.

Bagaimanapun, beliau menasihati pemimpin tempatan dan orang ramai supaya menyalurkan aduan serta pandangan mereka melalui saluran yang betul serta memperincikannya supaya tindakan dapat diambil segera oleh agensi kerajaan terbabit. "Saya harap mereka dapat memberikan maklumat dan aduan kepada pihak berkuasa dan bukannya melahirkan rasa tidak puas hati kepada pihak lain yang tidak berkenaan kerana ia tidak akan menyelesaikan masalah, sebaliknya akan menimbulkan kekeliruan," kata beliau.

Tambahnya, bagi melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA), kakitangan kerajaan perlu berganding bahu bersama pemimpin masyarakat dan penduduk setempat. Katanya, enam perkara utama dalam NKRA iaitu merealisasikan keamanan dan mengurangkan kadar jenayah, membanteras rasuah dan akses pendidikan yang berkualiti, mampu dilaksanakan jika semua pihak bekerjasama.

"Tiga lagi keutamaan NKRA ialah untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan menghapuskan kemiskinan, menyedia dan memastikan rakyat mendapat prasarana yang menyeluruh seperti air bersih, elektrik, jalan raya dan rumah serta menambah baik pengangkutan awam," kata Shahirudin.

**14 Ogos 2009 (Jumaat)**

## **Industri kelapa sawit perlu kekal kualiti alam sekitar**

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Syarikat dan kilang pemerosesan kelapa sawit di negara ini digesa mengambil langkah proaktif menjaga kualiti alam sekitar di kawasan ladang mereka. Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata, langkah itu penting bagi memastikan pembangunan sektor industri kelapa sawit sentiasa selaras dan harmoni terhadap alam sekitar. Katanya, untuk tujuan itu juga, kerajaan telah meningkatkan tahap piawaian terhadap amalan penjagaan kualiti alam sekitar di industri tersebut. "Sisa buangan dari kilang pemprosesan minyak kelapa sawit sememangnya berpotensi mencemarkan sungai sekiranya tidak dirawat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Kelapa Sawit dan Alam Sekitar yang bertemakan 'Mengharmonikan Kelapa Sawit Bersama Alam Sekitar' di sini hari ini. Persidangan yang dianjurkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) tersebut merupakan salah satu aktiviti sempena Pameran dan Persidangan Antarabangsa Komoditi Malaysia (Miccos) 2009 di Tapak Ekspos Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS). Pengetahuan MPOB, Datuk Sabri Ahmad berkata, penganjuran persidangan itu memperlihatkan komitmen pihaknya dalam menyeimbangkan di antara perkembangan industri berkenaan dan penjagaan kualiti alam sekitar.

**16 Ogos 2009 (Ahad)**

## **Lori tangki seludup diesel subsidi ditahan**

KUALA PERLIS 16 Ogos - Unit Pencegah Penyaludupan (UPP) Kuala Perlis mematahkan cubaan menyeludup sebanyak 2,500 liter diesel subsidi bernilai kira-kira RM4,250 apabila berjaya menahan sebuah lori tangki di sebuah pelantar ikan di sini hari ini. Komander UPP Perlis, Deputi Supritendan Zakaria Abd. Rahman berkata, kejayaan itu diperoleh kira-kira pukul 3.30 pagi semasa sepasukan anggota UPP sedang membuat rondaan. "Semasa tiba di kawasan itu, pasukan tersebut mengesan sebuah lori tangki dalam keadaan mencurigakan yang sedang mengisi diesel subsidi dari tempat menyimpan minyak di pelantar berkenaan. "UPP telah menahan pemandunya berusia 45 tahun dan hasil soalsiasat dia gagal untuk mengemukakan dokumen berkaitan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Zakaria berkata, beliau percaya bekalan diesel tersebut dikumpulkan secara kecil-kecilan daripada nelayan sekitar Kuala Perlis sebelum diseludup ke negara jiran. "Mereka tidak lagi melakukan penyeludupan melalui jalan laut apabila terdapat ramai agensi penguat kuasa yang melakukan rondaan. "Kita percaya aktiviti itu baru sahaja dilakukan berdasarkan risikan yang dilakukan oleh UPP," ujarnya.

Tambahnya, kes itu disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 yang jika disabit kesalahan boleh didenda RM100,000 atau tiga tahun penjara. "Diesel itu akan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan siasatan sedang dilakukan terhadap pemilik pelantar berkenaan," ujarnya.

## **17 Ogos 2009 (Iasnin)**

### **Ekonomi kembali positif suku keempat 2009 - Zeti**

KUALA LUMPUR 17 Ogos - Ekonomi Malaysia dijangka kembali positif pada suku keempat tahun ini bersandarkan tanda-tanda pemulihan semasa yang memberangsangkan, kata Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz. Beliau berkata, terdapat angka-angka awal yang menunjukkan terdapatnya tanda-tanda pemulihan yang positif. Bagaimanapun, Zeti menyifatkan semakan semula unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini masih terlalu awal untuk dilakukan. "Namun begitu, kami pasti menjelang suku keempat ini, kami akan menyaksikan pertumbuhan positif," katanya selepas pelancaran platform perdagangan komoditi antarabangsa berlandaskan Syariah iaitu, Bursa Suq Al-Sila', di sini hari ini.

Mengulas lanjut mengenai laporan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) bahawa nilai mata wang ringgit adalah di bawah nilai, Zeti enggan mengulas lanjut berkata, kadar pertukaran asing terutamanya aliran pergerakannya ditentukan oleh pasaran. "Bagaimanapun secara keseluruhan, ringgit adalah stabil berbanding nilai mata wang lain di rantau ini," katanya.

Mengulas mengenai perkembangan pembangunan Bank Islam Mega, beliau berkata, pelbagai pihak dari seluruh negara telah menunjukkan minat masing-masing untuk mengemukakan permohonan yang akan ditutup pada Oktober ini. "Sejurus selepas itu, kami akan membuat pengumuman berdasarkan penilaian daripada permohonan itu yang juga dibuka untuk bank konvensional," ujarnya.

Bank Islam Mega yang dijangka dilancarkan sebelum akhir tahun ini akan mempunyai modal permulaan sebanyak AS\$10 bilion (RM35 bilion) menerusi beberapa tawaran awam permulaan dan pilihan saham persendirian.

**18 Ogos 2009 (Selasa)**

## **Akta Kerja 1955 akan dikaji semula**

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Kerajaan akan mengkaji semula Akta Kerja 1955 bagi memastikan tempoh persaraan yang sama bagi pekerja lelaki dan wanita dalam sektor swasta seperti mana amalan perkhidmatan awam. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kajian semula itu perlu memandangkan ada syarikat yang mewajibkan pekerja wanita mereka bersara pada umur lebih rendah berbanding lelaki. Katanya, dalam sektor awam, umur persaraan bagi semua kakitangan sama ada di peringkat bawah atau atas tidak kira lelaki atau wanita ialah 58 tahun. "Kita mahu swasta mengikut amalan dalam sektor awam yang mana tiada diskriminasi dalam menentukan usia persaraan pekerja. Mereka boleh bekerja sehingga umur 58 tahun tanpa mengira jantina," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab satu soalan dalam sesi dialog sempena Sidang Kemuncak Wanita 2009 di Pusat Konvensyen Sime Darby di sini hari ini. Turut hadir isterinya, Puan Seri Noorainee Abdul Rahman; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Ketua Setiausaha kementerian, Tan Sri Faizah Mohd. Tahir. Salah seorang peserta sidang itu mempersoalkan mengenai terdapat syarikat yang memaksa pekerja wanita bersara pada usia 50 tahun sedang pekerja lelaki 55 tahun. Muhyiddin berkata, sepatutnya isu itu tidak timbul kerana pada usia 50 tahun pekerja wanita masih produktif dan mampu bekerja dengan baik. "Kerajaan akan mengambil serius tentang perkara ini kerana jelas ia merupakan satu tindakan diskriminasi terhadap golongan wanita," katanya.

Shahrizat ketika mengulas isu itu mengakui menerima aduan bahawa terdapat syarikat yang bertindak sedemikian sehingga pekerja wanita terbabit merasa teraniaya. "Kerajaan tidak akan berkompromi dalam hal seperti ini kerana kita tidak mahu wujud amalan diskriminasi terhadap golongan wanita dalam bidang pekerjaan. "Sudah tiba masanya kerajaan ambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi isu tersebut," ujarnya.

Terdahulu dalam ucaptamanya, Muhyiddin menggalakkan wanita meneroka bidang baru khususnya berkaitan teknologi seperti teknologi hijau serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). "Mereka juga digalakkan meneroka bidang yang masih belum dikuasai sepenuhnya seperti eko-pelancongan. "Bidang-bidang ini sebenarnya mempunyai potensi yang amat besar untuk dimajukan," katanya.

Beliau turut meminta kepada syarikat milik kerajaan (GLC) dan sektor swasta memberi lebih banyak tempat kepada wanita memegang jawatan penting sehingga ke peringkat pembuat keputusan. Menurutnya, saranan itu berikutan jumlah golongan wanita yang memegang jawatan penting dalam GLC dan syarikat masih rendah. "Pada asasnya kerajaan menyasarkan 30 peratus wanita diberi peluang memegang jawatan tinggi dalam sektor

awam dan ini juga perlu dipraktikkan di dalam sektor swasta. "Ketika ini jumlah wanita memegang jawatan penting dalam GLC ialah 12 peratus manakala jumlah yang menjadi ahli lembaga pengarah syarikat tidak banyak iaitu sekitar 6.1 peratus pada tahun lalu," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, terdapat peningkatan jumlah wanita yang memegang jawatan pengarah urusan sehingga ketua pegawai eksekutif syarikat iaitu daripada 13.5 peratus pada 2004 kepada 26.2 peratus pada tahun lalu. Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, wanita sama hebatnya dengan lelaki dalam apa juga bidang kerana yang paling penting adalah kesungguhan. Kata Timbalan Perdana Menteri, Islam sendiri tidak pernah membezakan antara lelaki dan wanita dan mereka wajib menunaikan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya jika mahu balasan yang baik daripada Allah.

## 19 Ogos 2009 (Rabu)

### Rencana -Pentadbiran air: Swasta atau kerajaan?

MINGGU ini - 16 hingga 22 Ogos - ialah Minggu Air Antarabangsa. Tema sambutan kali ini ialah "Membekalkan air untuk kebaikan semua". Bagi meraikan Minggu Air ini, Malaysia Think Tank menerbitkan sebuah buku dalam bahasa Inggeris bertajuk *Water Provision in Malaysia: Privatise or Nationalise? (Pembekalan Air di Malaysia: Swasta atau Kerajaan?)*. Ia dihasilkan dengan sokongan sebuah badan pengkaji antarabangsa yang berpusat di London, International Policy Network.

Buku ini mengandungi eseи-eseи yang menceritakan pengalaman negara lain dalam urus tadbir air dan apa yang boleh kita pelajari daripada pengalaman mereka. Buku ini boleh diperolehi dengan percuma daripada laman web kami [www.WauBebas.org](http://www.WauBebas.org). Ia diterbitkan bertujuan menjelaskan bahawa apa-apa dasar awam mestilah diputuskan setelah menilai faedahnya kepada rakyat. Apabila memutuskan dasar air negara, para pembuat dasar mestilah mengenepikan agenda peribadi, politik atau ideologi mereka.

Ini amat penting bagi sumber seperti air. Isu terpenting ialah bagaimakah caranya untuk memastikan air dapat dibekalkan dengan cekap dan dengan nilai terbaik seiring apa yang dibayar oleh pengguna. Sudah pasti kita mahu memberikan pengguna air hak untuk menukar pembekal jika mereka membayar mahal tetapi kualiti perkhidmatan yang diterima rendah. Apabila berbicara mengenai pengurusan sumber air, golongan sosialis berhaluan kiri di Malaysia sering memomokkan kita dengan pandangan antipenswastaan. Namun pandangan mereka jarang berdasarkan fakta tetapi nanyak dipengaruhi sentimen dan ideologi.

Memang benar, agenda penswastaan yang pernah dilalui oleh Malaysia ada kelemahannya. Tetapi ia tidak boleh dijadikan hujah untuk menyokong antipenswastaan. Apa yang perlu kita lakukan ialah belajar daripada pengalaman era Tun Dr. Mahathir Mohamad dan memperkenalkan dasar yang lebih baik. Penswastaan tulen dilakukan untuk mencipta

persaingan dalam pasaran dan menghalang badan tertentu membolot semua kekayaan melalui monopoli. Penswastaan yang berlaku di Malaysia sebelum ini tidak berjaya mencipta persaingan seperti yang diidamkan oleh pemimpin negara. Pelbagai perjanjian dan hak istimewa yang diberikan kepada syarikat tertentu menyebabkan monopoli tidak terhapus. Sebaliknya, walaupun penswastaan itu bertujuan mencipta persaingan dalam sistem pasaran yang lebih terbuka, apa yang terhasil hanyalah pemindahan monopoli daripada kerajaan kepada syarikat tertentu.

Ini sebenarnya bukan wawasan Dr. Mahathir. Kini Datuk Seri Najib Tun Razak cuba menambah baik agenda tersebut. Pengalaman kita dengan penswastaan mungkin menyebabkan ada yang fobia dengan penswastaan dan liberalisasi. Apatah lagi jika bercakap mengenai liberalisasi industri air negara. Saya berkongsi kebimbangan ini, jika kita hanya bercakap mengenai penswastaan dengan acuan yang sama. Bagaimanapun, seperti yang dilakarkan dalam buku ini, tiada apa yang perlu ditakutkan dengan liberalisasi dan penswastaan, termasuklah untuk industri air. Melalui liberalisasi dan penswastaan, rakyat berkuasa memilih.

Esei pertama menceritakan mengenai pengalaman di Bolivia. Negara itu meliberalisasikan industri air pada penghujung 1990-an tetapi gagal. Esei ini menceritakan punca ia gagal dan kenapa percubaan golongan sosialis berhaluan kiri untuk menjadikan Bolivia sebagai rujukan mengenai bahaya penswastaan air adalah salah.

Esei kedua membicarakan mengenai situasi di Chile. Industri air di sana diurus oleh swasta. Hasilnya, sejak industri air diliberalisasikan, perkhidmatan menjadi lebih baik dan rakyat menikmati banyak faedah.

Esei ketiga mengenai kempen tidak bertanggungjawab ideologi antiswasta akhirnya menyusahkan rakyat miskin.

Dalam buku itu, saya turut menulis bahawa kita di Malaysia mestilah tidak terperangkap dalam debat sia-sia "swasta melawan awam" ini. Apa yang penting, bagaimana untuk menjaga kepentingan rakyat dan menjaga kualiti air.

Malaysia memerlukan liberalisasi industri air agar wujud persaingan sihat. Kita memerlukan lebih daripada satu pembekal supaya wujud persaingan untuk membekalkan yang terbaik pada harga termurah. Kita sebagai rakyat perlu diberi pilihan untuk membeli air daripada siapa.

Liberalisasi pasaran yang diiringi oleh persaingan dan pilihan jelas sekali amat baik untuk rakyat. Golongan sosialis dan korporat biasanya tidak mahu persaingan kerana mereka hanya mahu menjaga periuk nasi. Monopoli mereka ini perlu dihapuskan demi kebaikan rakyat.

Dalam rangka menyusun semula ekonomi negara, Perdana Menteri sering menjelaskan, kita memerlukan sistem ekonomi lebih terbuka. Wawasan itu perlu kita sokong. Ekonomi liberal boleh mengurangkan rasuah dan memperbaiki kualiti perkhidmatan untuk rakyat.

Inilah juga prinsip yang perlu diamalkan dalam industri air kita. Sempena Minggu Air Antarabangsa 2009 ini, marilah kita melihat bagaimana industri air negara boleh disusun semula. Saya harap sumbangan kecil kami melalui buku ini boleh membantu negara.

**Wan Saiful Wan Jan ialah ketua Pengarah Malaysia Think Tank**

## **22 Ogos 2009 (Sabtu)**

### **Isu PKFZ: Tiada agenda peribadi**

KUALA LUMPUR 22 Ogos - "Saya bukan Pak Nujum tetapi untuk menuntut kebenaran dan keadilan, saya akan melakukannya menerusi mahkamah, itu saja." Demikian reaksi Presiden MCA, Datuk Seri Ong Tee Keat apabila ditanya sama ada tindakannya membawa kes berhubung isu Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) ke mahkamah akan menjelaskan imej MCA. Menurut Tee Keat yang juga Menteri Pengangkutan, kes PKFZ tidak ada kaitan dengan soal peribadinya mahupun melibatkan urusan beliau atau mempunyai agenda peribadi terhadapnya. "Tetapi apabila saya difitnahkan, itupun berikutkan pendedahan yang dibuat oleh pasukan khas PKFZ mengenai penyelewengan atau penglibatan syarikat Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB) maka saya kenalah menuntut keadilan dan kebenaran bagi membersihkan nama saya," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan BookFest@Malaysia 2009 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini hari ini. Tee Keat bertindak membawa kes mengaitkan PKFZ ke mahkamah berikutan Pegawai Eksekutif Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB), Datuk Seri Tiong King Sing mendakwa memberinya RM10 juta bagi kempen pemilihan MCA tahun lalu. Dalam pada itu Tee Keat berkata, beliau sepatutnya membaca buku *Unwritten Rules of Officialdom* atau *Peraturan Yang Tidak Tertulis Dalam Pentadbiran dan Politik* lebih awal. Tee Keat berkata, setelah membaca buku yang ditulis oleh penulis dari China tersebut, beliau merumuskan bahawa pengalamannya menghadapi pelbagai rintangan dan percubaan untuk menjatuhkannya itu ada kaitan dengan jawatan yang dipegangnya. "Saya percaya perkara seumpama ini tidak akan timbul setelah saya tidak memegang jawatan lagi," katanya.

Mengenai dakwaan Ketua Pengarang Berita Publishing, Datuk A. Kadir Jasin baru-baru ini bahawa akhbar berbahasa Cina semakin bebas mengeluarkan berita dan artikel bersifat cauvinis, Tee Keat berkata, beliau melihat pihak yang terlibat saling menuding jari. "Saya nampak kedua-dua pihak saling menuding jari, kononnya akhbar tertentu yang menulis bersifat perkauman tetapi yang lain juga berbuat yang sama," katanya.

"Tindakan kedua-dua pihak ini yang saling menuding jari sehingga menyenggung perasaan orang tidak ada kesudahannya tetapi apa yang saya nampak semuanya tidak membina," ujarnya. Tee Keat mengulas demikian berikutan kenyataan Kadir yang meminta Jabatan Penerangan memantau akhbar Cina kerana menurutnya kebanyakan yang dipaparkan

dalam akhbar tersebut bersifat perkauman dan ia berlaku kerana kurangnya pengawasan daripada kerajaan. Sementara itu Tee Keat mengalu-alukan kemajuan yang dicapai oleh festival buku tersebut yang dahulunya hanya menjual buku dalam bahasa Cina tetapi hari ini turut melibatkan buku dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Ditanya minat kaum Cina terhadap budaya membaca, Tee Keat berkata, mengikut kajian dalam tahun 70-an hingga 90-an, masyarakat pelbagai kaum di Malaysia hanya membaca dua halaman setahun tetapi hari ini keadaan telah jauh berubah. "Sambutan hangat daripada orang ramai setiap kali ekspo buku diadakan membuktikan kegemaran rakyat membaca semakin meningkat," katanya. Menurutnya, berkat membaca dan menggunakan dalam kehidupan seharian akan membolehkan rakyat mempunyai daya saing yang lebih tinggi di persada antarabangsa.

## **24 Ogos 2009 (Isnin)**

### **JPA keluar pekeliling larang penjawat awam sertai perhimpunan haram**

KUALA LUMPUR 24 Ogos — Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan pekeliling yang melarang penjawat awam melibatkan diri dalam perhimpunan haram atau apa-apa bentuk gerakan yang boleh menganggu ketenteraman awam dan mengancam keselamatan negara. Pekeliling itu yang bertarikh 13 Ogos dan ditandatangani Ketua Pengarah JPA, Tan Sri Ismail Adam menggariskan bentuk larangan iaitu:

- penglibatan secara aktif di luar waktu bekerja dengan menyertai apa-apa bentuk gerakan atau perhimpunan haram yang dianjurkan oleh mana-mana pihak;
- menggunakan masa pejabat dan meninggalkan pejabat untuk melihat dan menyertai gerakan atau perhimpunan haram dan
- menggunakan peralatan pejabat seperti mesin cetak dan mesin penyalin, komputer untuk mencetak dan mengedar risalah berkaitan apa-apa gerakan atau perhimpunan haram.

## **25 Ogos 2009 (Selasa)**

### **PAC akan soal siasat Kuala Dimensi esok**

KUALA LUMPUR 25 Ogos - Kuala Dimensi Sdn. Bhd., kontraktor siap guna projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) akan disoal siasat oleh Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC) esok. Bagaimanapun, tidak diketahui sama ada Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu Datuk Seri Tiong King Sing, yang juga Ahli Parlimen Bintulu yang juga Penggerusi Kelab Penyokong-penyokong Barisan Nasional (BN) akan hadir. Penggerusi PAC, Datuk Seri Azmi

Khalid berkata, syarikat itu telah diberi notis untuk menghantar seorang wakil. "Kalau Datuk Seri Tiong King Sing yang datang, lagi bagus," kata beliau kepada Bernama ketika dihubungi hari ini.

Ditanya jika Kuala Dimensi diminta memberikan banyak penjelasan, Azmi berkata: "Itu saya tak boleh cakap." PKFZ, sebuah zon bersepadu komersial dan perindustrian bebas seluas 400 hektar yang bersebelahan dengan Pelabuhan Klang, terbabit dalam kontroversi setelah mendapati kos pembangunannya meningkat daripada RM2.5 bilion kepada RM4.6 bilion. Selain siasatan PAC, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga sedang menyiasat isu PKFZ itu.

## 25 Ogos 2009 (Selasa)

### Terengganu lulus RM280 juta

KUALA TERENGGANU 25 Ogos - Dewan Undangan Negeri Terengganu yang bersidang hari ini meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM280.814 juta bagi perbelanjaan rancangan kemajuan di negeri itu tahun ini. Daripada jumlah itu, RM250.214 juta dibelanjakan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, RM600,000 (Pejabat Kerja Raya negeri) dan RM30 juta lagi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian. Menteri Besar, Datuk Ahmad Said berkata, peruntukan tersebut adalah dibenarkan dalam undang-undang dan dibuat oleh mana-mana kerajaan. "Yang penting kesemua peruntukan disalur untuk membantu melicinkan pembangunan dan kesejahteraan rakyat di negeri ini," katanya.

Beliau menggulung pelbagai isu dibangkitkan oleh beberapa wakil pembangkang selepas usul mengenai permohonan peruntukan tersebut dilulus dan dibentangkan **Ahmad Razif Abd.Rahman (BN-Seberang Takir)**. Mengulas lanjut, Ahmad berkata, peruntukan tambahan diperlukan kerana kerajaan negeri ingin melaksanakan pelbagai projek untuk rakyat. Katanya, yang utama kerajaan negeri ingin membina sebanyak 10,000 unit rumah kos rendah mampu milik kepada golongan kurang berkemampuan bagi memastikan mereka mendiami rumah lebih selesa. Selain itu, jelasnya, kerajaan negeri juga akan membina 5,000 unit rumah dan sebahagian lagi pembinaan 5,000 unit rumah kos rendah.

Mengenai soalan tambahan **Datuk Harun Taib (Pas-Manir)** berhubung pembinaan jambatan baru di negeri ini, Ahmad berkata, tidak timbul pelaksanaan berkait rapat dengan politik. Katanya, hasil pengalaman ada juga pembinaan projek kemudahan asas termasuk jambatan dibuat kerana janji kerajaan manakala ada juga kerana keperluan atau permintaan semasa.

**25 Ogos 2009 (Selasa)**

## **Kementerian digesa atasi kekurangan rumah guru**



**SALAH sebuah rumah guru yang disediakan di kawasan pedalaman Nabawan, Sabah.**

NABAWAN 25 Ogos - Kementerian Pelajaran diminta segera mengatasi masalah kekurangan rumah guru yang ketara di daerah ini bagi memastikan para guru mendapat kediaman selesa seterusnya mampu meningkatkan lagi kualiti pendidikan. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nabawan, Datuk Bobbey Suan berkata, langkah itu penting kerana masalah tersebut menyukarkan para guru menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan. "Terdapat beberapa buah sekolah termasuk sekolah menengah di daerah ini mengalami masalah kekurangan rumah guru menyebabkan ada guru-guru yang bertugas terpaksa berulang-alik sejauh lebih 60 kilometer. "Selain itu terdapat juga guru-guru di sekolah terpencil yang tinggal di rumah yang tidak selesa," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Menurut Bobbey, selain daerah ini beliau mendapat laporan bahawa daerah berhampiran iaitu Tenom turut menghadapi masalah yang sama. Katanya, antara faktor menyebabkan para guru terpaksa tinggal jauh dan berulang-alik ke sekolah adalah kerana kekurangan rumah sewa di daerah ini. Dalam pada itu, mengulas mengenai insentif khas yang diberikan kerajaan kepada pengetua dan guru besar, beliau berharap ia dapat memberi galakan kepada mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

Bagaimanapun, katanya, guru-guru yang mendapat insentif itu haruslah menjalankan tugas setimpal dengan apa yang mereka terima. Tambahnya, pemberian insentif kepada guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah terpencil di kawasan pedalaman amat dialu-alukan."Ini kerana selain sanggup bertugas di sekolah terpencil, mereka juga menghadapi pelbagai masalah dalam perjalanan sama ada perjalanan darat dan sungai," ujarnya.